

PM sifatkan langkah PBS sebagai malang

31 MAR 1986

KUALA LUMPUR 30 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan sebagai satu hal yang malang terhadap langkah Parti Bersatu Sabah (PBS) mengemukakan cadangan balas menjelang upacara menandatangani perjanjian penyelesaian krisis politik Sabah.

Katanya, PBS telah memberikan persetujuan mengenai formula kerjasama politik itu "tetapi malangnya semasa kami sedang membuat persiapan untuk menandatangani perjanjian itu, ada pendapat lain pula yang dikemukakan oleh PBS."

Bercakap dalam sidang akhbar di Bangunan RIS-DA di sini selepas mengakhiri lawatan sehari ke Negeri Selangor, beliau berkata, adalah sukar bagi kerajaan menyelesaikan krisis politik Sabah sekiranya PBS masih enggan menerima formula itu.

"Tiap-tiap kali kita mengemukakan pandangan, nampaknya mereka terima tetapi pada hakikatnya tidak. Ini menyukarkan usaha untuk menyelesaikan krisis itu dengan segera," tegas Perdana Menteri selaku Peng-

erusi Barisan Nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau masih belum mengetahui pendapat sebenar PBS berhubung dengan formula tersebut.

Beliau juga menafikan kenyataan Setiausaha PBS, Encik Joseph Kurup bahawa parti itu telah menyampaikan pendirian terhadap formula asal kepada beliau.

Semalam, Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan merangkap Presiden PBS tidak datang untuk menghadiri upacara menandatangani perjanjian untuk menubuhkan kerajaan campuran di Sabah sebagai usaha menamatkan pergolakan politik di negeri itu.

Datuk Pairin tiba di sini malam ini dan dijangka menyerahkan memorandum cadangan balas esok yang antara lain mahukan Pilihanraya Negeri Sabah diadakan terlebih dahulu sebelum kerajaan campuran ditubuhkan.

Mengenai lawatan sehari ke Selangor, Perdana Menteri berkata, beliau berpuashati dengan lawatan tersebut walaupun ia merupakan yang paling singkat dalam siri lawatannya ke seluruh negara.

Ditanya mengenai perbincangan beliau dengan wakil-wakil Barisan Nasional dan UMNO Negeri Selangor dalam pertemuan yang berasingan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau telah meminta jentara untuk menghadapi pilihanraya negeri itu diper-

kemaskan.

Di samping itu, katanya, beliau juga telah memberi penjelasan mengenai persoalan yang ditimbulkan

tentang pembahagian kerusi dalam pertemuan dengan wakil-wakil BN termasuklah cara pembahagian kerusi itu dibuat.